


UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
KAMPUS ALOR GAJAH
MELAKA

RANCANGAN PERNIAGAAN
ASAS KEUSAHAWANAN
(ETR 300)

H2Z ACADEMIC RESOURCE CENTER

DISEDIAKAN OLEH:-

MOHD ZUBIR B. MOHD JUZAD	97361954
NOR HAZANA BT. ISMAIL	97420497
MOHD HAZREEN B. Z. ABIDIN	96779889
HARNIDA BT. ADENAN	97420298



INSTITUT TEKNOLOGI MARA

CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh: 2 Februari 2000
Surat Tuan:
Surat Kami: 100-CM(AKA 37/B)

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771
Telefax: 06-563963
06-5591067

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma Pengurusan dan Perniagaan di Universiti Teknologi MARA, Kampus Melaka. Mereka telah difugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran ETR 300 Asas Keusahawanan.

Bil.	Nama Pelajar	No. ITM
1.	Mohd Zubir b. Mohd. Juzad	97361954
2.	Mohd Hazreen b. Zainal Abidin	96779889
3.	Nor Hazana bt. Ismail	97420497
4.	Harnida bt. Adenan	97420298

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarikan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

SHAHARIAH H.J. OSMAN
Ketua Kursus DBS
UiTM Kampus Melaka.
b/p Proves

SURAT PENYERAHAN LAPORAN RANCANGAN PERNIAGAAN

Diploma Pengurusan Perniagaan,
Bahagian 05,
UiTM Kampus Alor Gajah,
Km. 26, Jln. Lendu,
78000 Alor Gajah,
Melaka,

Encik Noor Azam b. Abd. Aziz,
Pensyarah Asas Keusahawanan (ETR 300),
UiTM Kampus Alor Gajah,
Km. 26, Jln. Lendu,
78000 Alor Gajah,
Melaka

24 APRIL 2000

Tuan,


SERAHAN LAPORAN RANCANGAN PERNIAGAAN

Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa kami telah menyediakan dan menyiapkan satu Rancangan Perniagaan yang berbentuk kertas kerja berdasarkan penyelidikan serta pengumpulan maklumat untuk menjalankan perniagaan dan perkhidmatan pusat pengumpulan ilmu.

2. Dengan ini dilampirkan Rancangan Perniagaan untuk membuka dan menjalankan perniagaan dan perkhidmatan ini yang berlokasi di hadapan Universiti Teknologi Mara, Kampus Alor Gajah, Melaka.
3. Laporan-laporan yang dibuat berdasarkan kepada pengamatan dan penyelidikan kami. Ini memandangkan operasi ini baru hendak diperkenalkan oleh kami.
4. Di sini kami ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Tuan di atas segala tunjuk ajar, nasihat dan sokongan yang telah diberikan kepada kami dalam menyiapkan kertas kerja ini.

Sekian, terima kasih


Yang benar,




(MOHD. ZUBIR B. MOHD JUZAD)



(MOHD. HAZREEN B. Z. ABIDIN)



(HARNIDA BT. ADENAN)



(NOR HAZANA BT. ISMAIL)

BAHAGIAN 1

PENGENALAN

Bidang perniagaan dan keusahawanan merupakan satu kegiatan ekonomi yang penuh dengan cabaran yang harus dilalui oleh usahawan untuk mencapai kecemerlangan. Untuk mencapai kecemerlangan dan kejayaan ini usahawan perlu memiliki sifat gigih dan tabah mengharungi cabaran di samping mempunyai pendidikan di dalam bidang perniagaan dan keusahawanan yang diceburi. Keyakinan diri dan pandai mengambil peluang adalah aset paling penting bagi merealisasikan kecemerlangan yang diidam-idamkan. Berdasarkan prospek masa depan dan dasar kerajaan yang ingin menjadikan Malaysia sebagai salah satu pusat menimba ilmu, kami yakin yang syarikat kami akan menguasai pasaran yang wujud dan menjadi pelopor dalam perniagaan sedemikian.

Berdasarkan pemerhatian terdapat banyak masalah yang wujud semasa pelajar dan pensyarah sendiri membuat tesis dan memberi contoh yang baik untuk dijadikan panduan. Disamping itu bahan-bahan jurnal yang disediakan di kebanyakan universiti dan institusi pengajian lain tidak mencukupi dan ada kalanya isi kandungannya tidak terkini. Kami juga mengambil peluang menyediakan kemudahan kepada bakal-bakal usahawan serta para pelabur untuk melihat dan mengkaji prospek perniagaan pada masa itu. Kami juga menyediakan khidmat mengadakan

dan menganjurkan seminar untuk bakal-bakal usahawan. Ianya tidak terhad kepada usahawan dan bakal usahawan tetapi juga pada pelajar yang bakal menduduki peperiksaan dalam bentuk seminar motivasi dan lain-lain.

Syarikat yang kami tubuhkan ini merupakan yang pertama di Malaysia. Dengan kajian dan soal selidik yang dijalankan, kami yakin syarikat kami akan terus maju ke hadapan dengan harapan untuk membuka cawangan di kawasan yang mempunyai potensi yang baik.